

# Minggu Malaysia di London berjaya promosikan negara

Daripada SADATUL MAHIRAN ROSLI

**LONDON** 11 Jun - Program Minggu Malaysia tahun ini telah berjaya menyampaikan mesej mempromosikan Tahun Melawat Malaysia selain menyebarkan sambutan kemerdekaan negara ke-50 dan menyemarakkan seni serta kebudayaan Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, kementeriannya berpuas hati kerana sambutan yang diterima menunjukkan masyarakat di United Kingdom (UK) dan pemimpinnya telah mula berminat dengan kesenian dan kebudayaan Malaysia.

"Ini terbukti apabila Ketua Dewan Rakyat Parlimen UK, Jack Straw hadir mewakili Timbalan Perdana Menteri, John Prescott pada Malam Gala yang turut dihadiri oleh Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Selepas itu, kita juga mendapat sokongan secara langsung daripada Datuk Bandar Westminster, Carolyn Keen yang hadir untuk merasmikan Minggu Malaysia.

"Kehadiran begitu ramai warga UK dan

pelancong pada hari pelancaran program sekali gus menyemarakkan lagi kemeriahan acara tersebut.

"Saya sangat berpuas hati dengan pencapaian itu. Daripada beberapa pandangan yang diterima, mereka melihat Malaysia mempunyai tenaga sekutu daripada pelbagai kaum dan bukan sahaja menyerlah dari segi politik dan pentadbiran, tetapi juga dari segi kebudayaan," kata Rais pada sidang akhbar hari terakhir *Minggu Malaysia* di Covent Garden di sini hari ini.

Menurut Rais, pada tahun depan, kementeriannya akan mempelbagaikan aktiviti, penyertaan, barangan dan makanan yang dijual supaya mesej Malaysia itu dapat disemat dalam jiwa pengunjung Minggu Malaysia.

Sementara itu, ketika menjawab soalan tentang kemungkinan Minggu Malaysia akan diadakan di Beijing, China, Rais berkata, perbincangan akan dilakukan dengan Menteri Kebudayaan China pada 22 Jun ini.

Katanya, Minggu Malaysia di Beijing mungkin diadakan antara Oktober, November atau Disember ini.

Um - 12/6/2007

**Kehadiran begitu ramai warga UK dan pelancong pada hari pelancaran program sekali gus menyemarakkan lagi kemeriahan acara tersebut**

Dalam pada itu, beberapa pengusaha Malaysia yang ditemui melahirkan rasa gembira kerana kebanyakan hasil kraf yang mereka bawa laris dijual dan ini menunjukkan barangan seni Malaysia telah diterima oleh masyarakat Eropah.

Pemilik Pesona Batik, Yusnita Mohd. Noon berkata, anggaran pendapatan sehari yang diperolehnya sepanjang Minggu Malaysia di London ialah RM4,500.

"Warga UK dan pelancong asing begitu meminati batik seperti skaf, kaftan, baju pasang dan kain batik," katanya.

Pengurus Besar Seri Gamelan Songket, Wan Hasnah Wan Endut yang pertama kali menyertai acara itu menyifatkan Minggu Malaysia berjaya mencapai objektifnya untuk memperkenalkan kraf negara kerana sambutan daripada masyarakat di sini begitu menggalakkan.

"Mereka begitu teruja malah turut menawarkan diri menjadi pembekal produk Malaysia di sini," jelasnya.

Dalam pada itu, seorang pengunjung, Florence Marodon, 45, dari Uganda berpuas hati dengan makanan Malaysia sungguh lazat.

"Ini kali pertama saya merasai makanan Malaysia yang tidak pedas. Malah saya begitu terperanjat melihat keindahan budaya Malaysia... ia sungguh unik," ujarnya.

Seorang lagi pengunjung, Michela Baraffio, 17, dari Itali yang datang bercuti di sini tidak menyangka dapat peluang mencaniting batik.

"Saya sedang bersiar-siar di Covent Garden, tiba-tiba saya melihat hasil batik yang begitu cantik. Saya ingin melakukannya sendiri dan menyimpan hasil kreativiti saya sebagai kenangan," katanya.

RAIS YATIM  
Menteri  
Kebudayaan,  
Kesenian dan  
Warisan